

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara berurutan penyelidikan lapangan dan penyelidikan di perpustakaan, tujuan penyelidikan, kepentingan penyelidikan, kaedah penyelidikan, keadaan penyelidikan tentang pantun atau kajian lepas, orientasi tesis, konsep-konsep yang relevan dan rancangan tesis. Selanjutnya, masing-masing tajuk ini akan dibahas secara lebih mendalam dalam subbab tersendiri.

1.2 Penyelidikan Lapangan dan Perpustakaan

1.2.1 Penyelidikan Lapangan

Orientasi teoretik yang terakhir yang digunakan oleh seorang penyelidik sering dipengaruhi oleh sifat daripada penyelidikan lapangannya. Seorang etnografer, misalnya, dalam memasuki lapangan tersebut sering pula membekali dirinya dengan konsepsi - konsepsi yang ditetapkan berdasarkan kepada topik penyelidikannya, namun kenyataan-kenyataan sosial dan budaya yang ditemui di lapangan justeru mengharuskan untuk merubah sama sekali konsepsi-konsepsinya. Oleh itu, untuk menghindari hal-hal seperti yang dilakukan oleh seorang etnografer, maka di sini digunakan kaedah temu-bual yang mendalam (*in-depth interview*). Kaedah ini mempunyai banyak keuntungan, salah satunya untuk menghindari penetapan pencarian data sebelum waktunya.

Penulis melakukan penyelidikan lapangan di Kelurahan Dalam Bugis dan Banjar Serasan, Kecamatan Pontianak Timur, Kotamadia Pontianak, Kalimantan

Barat, Indonesia. Kedua-dua kelurahan tersebut dipilih dengan beberapa alasan, antaranya:

1. Kedua-duanya berada dan tidak jauh dari pusat Kesultanan Pontianak masa silam, sehingga sedikit sebanyak masih terasa pengaruhnya.
2. Beberapa orang yang hafaz pantun berada dan bermukim di sini.
3. Penduduknya relatif homogen, dengan etnik Melayu sebagai etnik majoriti.

Kedua-dua kelurahan tersebut kira-kira 4 (empat) dan 5 (lima) kilometer dari pusat pemerintahan Kotamadia Pontianak dan Propinsi Kalimantan Barat; atau, kira-kira 5 (lima) kilometer dari rumah penulis. Dengan demikian, penulis merasa tidak perlu lagi mencari penginapan dan tinggal di lapangan, kerana jarak antara rumah dan lapangan penyelidikan dapat ditempuh ulang-alik dengan motorsikal sekitar seperempat jam.

Penyelidikan lapangan ini dilakukan selama enam bulan, bermula dari bulan Oktober 1999 hingga bulan Mac 2000. Pada bulan-bulan tersebut, hampir setiap hari penulis bersama pemandu lapangan (*guide*) turun ke lapangan, kira-kira mulai pukul 08.00 – 11.00; 16.00 – 17.30; dan 19.30-21.00; kecuali 10 hari sebelum Hari Raya (Aidilfitri 1421 H.) dan seminggu sesudahnya, penyelidikan ini dihentikan untuk sementara. Penghentian ini berdasarkan kepada permintaan responden sendiri bagi mempersiapkan dan menyambut Aidilfitri 1421 H. Sesudah itu, kegiatan penyelidikan dilanjutkan kembali sesuai dengan jadual waktu yang telah ditentukan. Jadual waktu tersebut disusun berdasarkan kepada penetapan daripada para responden sendiri, walaupun dalam kenyataannya sewaktu - waktu boleh berubah kerana keadaan, kemudian baharulah dibuat kesepakatan kembali.

Bagi memulakan kegiatan penyelidikan ini, lebih dahulu penulis mencari seorang pemandu lapangan (*guide*), dengan ketentuan: lelaki, agak mengetahui tentang keadaan kawasan penyelidikan, pandai berbahasa Melayu dengan dialek Pontianak, dan berasal dari dan bermukim di Kelurahan Dalam Bugis. Usaha ini tidak mengalami kesukaran. Pemandu lapangan yang telah dipilih, dengan senang hati mahu menyertai penulis bila-bila masa turun ke lapangan. Daripadanya penulis benar - benar terbantu dalam mencari dan menemukan responden-responden yang diyakini hafaz, mengerti dan -memahami objek yang diselidiki, memperlancar komunikasi penulis dengan mereka dalam temu-bual, merakam dan sebagainya.

Kehadiran penulis beserta pemandu dalam mencari responden pernah menemui sedikit hambatan, antaranya mereka yang semula bersedia menjadi responden, ternyata kemudian enggan menyampaikan pantun-pantun mereka. Penulis telah mencuba meyakinkan mereka sesuai dengan tujuan penyelidikan dan kesediaan mereka sebelumnya. Akan tetapi setelah lima kali didatangi sesuai dengan waktu yang telah mereka tetapkan, mereka tidak mahu memberikan jawapan yang tegas. Walaupun jumlahnya tidak banyak (hanya tiga orang), namun penulis masih beruntung mendapatkan responden lainnya sebanyak lapan orang, tujuh orang dari Kelurahan Dalam Bugis (tiga lelaki dan empat perempuan) dan seorang dari Kelurahan Banjar Serasan (perempuan). Ketiga-tiga responden yang tidak bersedia ikut-serta dalam penyelidikan ini, seorang di antaranya telah berusia lanjut, dan dari segi sosial, semuanya termasuk orang yang berada dan berpendidikan. Sedangkan yang bersedia, di samping semuanya sudah berusia lanjut, juga umumnya tidak berpendidikan dan hampir semuanya termasuk orang yang kurang berada (miskin). Ini dapat dikesan daripada keadaan rumah dan isi rumah mereka.

Kelapan responden tersebut penulis temukan secara beransur-ansur. Ertinya, setelah memperoleh maklumat dan mengetahui ada seorang responden, kemudian penulis segera mendatangi rumahnya. Dalam pertemuan itu (pertama), penulis gunakan untuk memperkenalkan diri dan temu-bual sekadarnya tentang pantun-pantun yang dihafaz, dan sekaligus meminta kesediaannya untuk menjadi responden. Kadang - kadang dalam pertemuan itu dia menyampaikan beberapa pantun, dan langsung dirakam. Setelah menyatakan bersedia, baharulah penulis meminta bila pertemuan berikutnya dapat dimulai. Dalam bertemuan kedua dan seterusnya penulis gunakan khusus untuk merakam pantun-pantun yang dihafaz. Demikianlah seterusnya, sehingga responden-responden lainnya dapat ditemukan dan berhasil dirakam pantun - pantun yang mereka hafaz tanpa mengalami hambatan. Namun begitu, adakalanya dalam pertemuan pertama dengan seseorang responden, setelah penulis memperkenalkan diri dan temu-bual sekadarnya, perakaman pantun - pantun yang dia hafaz langsung dapat dimulai. Ini dimungkinkan setelah dihubungi dan dimintai kesediaannya oleh pemandu lapangan lebih dahulu.

Keseluruhan proses perakaman pantun lebih banyak dilakukan di bilik rehat sambil duduk di atas tikar atau di lantai papan, sehingga para pemantun lebih leluasa, tenang dan santai dalam menyampaikan pantun-pantun mereka. Kadang-kadang anak, menantu atau cucu pemantun perempuan ikut menemani proses perakaman tersebut. Kehadiran mereka, sudah tentu, dapat menambah ramai suasana, kerana sering disertai dengan gelak ketawa setelah mendengar pantun - pantun yang disampaikan oleh pemantun. Mungkin, menurut perasaan mereka, pantun-pantun itu mengandungi hal-hal yang lucu, yang belum pernah mereka dengar. Selain itu, kehadiran mereka juga dapat menambah semangat pemantun untuk lebih banyak lagi

menyampaikan pantun-pantunnya, sehingga secara tidak langsung mereka pun ikut bangga akan kemampuan pemantun, yang tak lain adalah emak atau nenek mereka. Dalam suasana begini, tidak jarang proses perakamannya terhenti, misalnya jika ada tamu datang, suara kapal yang berlayar di sungai Kapuas disertai dengan gelombang yang memukul tongkat-tongkat rumahnya, atau pemantun itu ingin memakan sirih atau merokok. Kesempatan ini sering penulis gunakan untuk pergi ke tandas atau keluar rumah sambil mengamati keadaan rumah dan isinya serta keadaan sekitarnya.

Antara satu pertemuan dan pertemuan lainnya lama waktunya tidak sama, kadang - kadang setengah jam, satu jam, dua jam atau lebih. Begitu pula jumlah pertemuan yang dilakukan, yang terbanyak 11 kali dan yang paling sedikit tiga kali pertemuan. Ketidaksamaan ini antaranya disebabkan oleh keadaan para pemantun itu sendiri, seperti kesihatan, kesibukan dan semangat atau keasyikan mereka dalam menyampaikan pantun - pantun yang dihafaz. Kadang - kadang dalam satu pertemuan, seorang pemantun dapat menyampaikan pantunnya sebanyak 79 pantun, dan dalam pertemuan berikutnya hanya lapan pantun sahaja. Dalam setiap pertemuan dengan para pemantun, penulis memberikan kesempatan kepada responden untuk mengungkapkan pantun-pantun yang mereka hafaz sebanyak mungkin. Kalau misalnya ada yang terlupa, maka penulis memberikan pancingan dengan kata-kata yang dapat membantu ingatan mereka; seperti kata perahu, sampan, jala, kebaya, budi dan sebagainya. Jadi, kedudukan penulis di sini boleh dikatakan pasif, sebaliknya, respondenlah yang aktif. Akhirnya, keseluruhan pertemuan untuk perakaman pantun-pantun daripada para responden dihentikan sama sekali, jika mereka menyatakan sudah tidak ada lagi pantun yang dihafaz, meskipun pertemuan tersebut hanya berlangsung tiga kali sahaja. Kemudian dalam pertemuan berikutnya,

perhatian penulis sepenuhnya pada temu-bual yang mendalam dengan para responden tentang berbagai-bagai perkara mengenai penguasaan pantun, seperti daripada siapa mereka menerima pantun, bagaimana mereka menghafaznya dan sebagainya.

Patut ditambahkan di sini bahawa dalam suatu pertemuan untuk perakaman, seorang pemantun perempuan pernah dalam keadaan kurang sihat (batuk-batuk), sehingga proses perakaman pantun agak sedikit terganggu. Pada waktu itu, secara kebetulan penulis membawa jamu-jamu tradisional yang sudah dikemas (kunyit dan halia), dan menunjukkannya mana yang disukai. Ternyata jamu-jamu yang menjadi pilihannya dapat membantu menyembuhkan sakitnya dan membuat dia nyenyak tidur. Pada pertemuan berikutnya, dia meminta lagi dan dengan senang hati penulis memberikannya untuk beberapa hari. Boleh jadi kerana jamu - jamu tersebut, kesihatannya menjadi baik dan pantun-pantun yang terlupa dapat diingat kembali. Ini dialami dan diakui sendiri oleh seorang responden perempuan bernama Sufifah.

Penulis menyedari bahawa sebahagian terbesar responden tersebut termasuk orang tak berpunya (miskin). Oleh itu, agar tidak memberatkan dan menyusahkan kehadiran penulis dan pemandu lapangan, maka hampir dalam setiap pertemuan penulis membawakan minuman, makanan, rokok dan atau memberikan wang sekadarnya. Ternyata, apa yang penulis lakukan dibenarkan oleh pemandu lapangan.

1.2.2 Penyelidikan Perpustakaan

Selain penyelidikan lapangan seperti yang telah dikemukakan di atas, penulis juga melakukan penyelidikan di perpustakaan selama lebih daripada satu tahun.

Penyelidikan ini dimaksudkan untuk mendapatkan data-data tentang pantun, adat dan budaya Melayu umumnya dan Pontianak khususnya, agama Islam, sejarah singkat Kesultanan Pontianak, pemerintahan, topografi dan kependudukan Propinsi Kalimantan Barat, Kotamadia Pontianak, Kecamatan Pontianak Timur, dan Kelurahan Dalam Bugis dan Banjar Serasan. Data - data ini diperoleh daripada buku - buku, tesis/disertasi, arkib, majalah dan akhbar yang ditulis oleh para pakar dan atau penulis, perseorangan atau kelompok, yang langsung ataupun sedikit sebanyak menyentuh permasalahan yang sedang penulis kaji. Data-data tentang pantun, adat dan budaya Melayu penulis peroleh dari Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, khususnya Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu dan Perpustakaan Peringatan Za'ba. Sedangkan data-data selebihnya penulis peroleh dari Pontianak, iaitu Perpustakaan Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN), Perpustakaan Universitas Tanjungpura dan Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional, Badan Pusat Statistik Kalimantan Barat dan Kotamadia Pontianak, Laporan Tahunan Kecamatan Pontianak Timur dan Monografi Kelurahan Dalam Bugis dan Banjar Serasan. Semua data tersebut di atas dijadikan sebagai rujukan dan pendukung penyelidikan lapangan.

Walaupun data-data tersebut hanya berfungsi sebagai rujukan dan pendukung penyelidikan lapangan, namun untuk mendapatkan data yang representatif, sumber-sumber perbahannya dipilih untuk memenuhi kriteria yang telah ditentukan bagi penganalisisan selanjutnya. Oleh itu, rujukan-rujukan tersebut boleh dibezakan sebagai berikut:

A. Rujukan pantun bahan-bahannya diperoleh dari :

A.1 Buku-buku Kumpulan Pantun. Ini termasuk *Pantun Melayu* (edisi Balai Pustaka,

1958); *Pantun Melayu*, oleh R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson (1961), *Kumpulan Pantun Melayu* (peny. Zainal Abidin Bakar, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984); dan *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*, oleh Harun Mat Piah, Yayasan Karyawan, 2001).

- A.2 Buku-buku kajian yang khusus tentang pantun atau tentang kesusasteraan Melayu tradisional yang umum, seperti *Ilmu Mengarang* (Za'ba, 1963); *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun* oleh François René Daillie (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988); *Puisi Melayu Tradisional* oleh Harun Mat Piah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989; *Nilai-nilai Pendidikan dalam Petuh dan Pantangan Etnik Melayu Pontianak* oleh Eka Hendry (Fakultas Tarbiyah Pontianak, 1998); dan *Implikatur Dalam Pantun Melayu Sarawak* oleh Fatimah bin Subet (Disertasi Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 1999).
- B. Rujukan umum. Selain daripada rujukan yang telah disebutkan di atas, semuanya dijadikan rujukan umum.

1.3 Tujuan Penyelidikan

Berdasarkan kepada data - data yang diperoleh di lapangan dan di perpustakaan seperti yang telah dikemukakan di atas, maka penyelidikan ini bertujuan untuk :

- (1) merakam pantun-pantun yang dihafaz oleh beberapa orang Melayu Pontianak
- (2) menyajikan teks dalam bentuk dokumen teks,
- (3) menelaah dan mengkaji sejauh mana isinya mengandungi dan atau bersesuaian dengan nilai-nilai Islam (*iman, ibadah dan akhlak*).

1.4 Kepentingan Penyelidikan

Boleh jadi orang beranggapan bahawa menyelidiki atau mengkaji sastera tradisional umumnya dan genre pantun khususnya hanya membuang-buang masa, tenaga dan wang sahaja dan tak berguna. Sudah tentu anggapan ini tidaklah tepat. Sebab pembangunan bangsa seutuhnya, tidak cukup hanya ditumpukan kepada kemajuan sains, teknologi dan ekonomi. Dengan perkataan lain, kemajuan sains, teknologi dan ekonomi sahaja belum dapat menjamin sepenuhnya untuk dijadikan sebagai ukuran pembangunan bangsa dan negara yang sangat kompleks. Oleh itu, pembangunan mental-spiritual juga sama pentingnya dengan pembangunan sains, teknologi dan ekonomi. Ternyata sumber yang kaya mengenai hal itu dapat digali dan diungkap melalui hasil-hasil sastera tradisional, termasuk salah satunya genre pantun.

Seiring dengan kemajuan zaman, jumlah orang yang memiliki dan mewarisi tradisi penyampaian pantun makin lama makin berkurang. Yang masih ada pun umumnya sudah tua. Tambahan lagi tradisi ini telah kehilangan pendukungnya. Oleh itu, sebelum luput dari ingatan, diperlukan upaya untuk merakam dan mendokumentasikannya. Dengan upaya ini diharapkan dapat membantu generasi sekarang dan yang akan datang memperoleh gambaran tentang kehidupan masa silam nenek moyang mereka sendiri dan memberikan penghargaan yang sepatutnya kepada hasil karya mereka. Selain itu, mereka pun akan terhindar daripada kegelapan dan keterasingan dalam menapaki hidup mereka dan terumbang-ambing dalam serba-keterkejutan dan serba-kegelisahan serta dilema nilai.

Keadaan yang telah dikemukakan di atas mengingatkan penulis pada

permulaan sejarah Islam, iaitu kegiatan menghimpun dan membukukan al-Qur'ān. (Hasbi Ash Shiddieqy, 1984 : 85-86; Azyumardi Azra, ed., 1999 : 28-29) Gagasan ini berasal daripada 'Umar bin al-Khattāb r.a. dan disampaikan kepada Khalifah Abū Bakar r.a. sebagai suatu usulan. Setelah usulan ini berulangkali disampaikan, baharulah Abū Bakar r.a. menerimanya. Alasan beliau tidak segera menerima usulan itu kerana perbuatan ini tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Sedangkan alasan 'Umar r.a. adalah kemaslahatan umat. Ternyata usulan ini memberikan hasil yang sangat bermanfaat dan bahkan menentukan bagi perjalanan sejarah umat Islam sampai sekarang dan seterusnya. Hanya dalam masa yang relatif singkat, al-Qur'ān berhasil dihimpun dan dibukukan pada masa Khalifah Uthmān bin 'Affān r.a. Dengan keberhasilan ini, maka terpenuhilah salah satu janji Allāh dalam al-Qur'ān: *Innā naḥnu nazzalnā al-dhikrā wa innā la-hū laḥāfiẓūn*. Yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami menurunkan al-Qur'ān dan sesungguhnya Kami pula yang memeliharanya" (Q.S. al-Hijr, 15 : 9).

Hal lain yang mendorong penulis merakam dan mendokumentasikan hafazan pantun penulisan dan pembukuan al-Hadīth. Usaha ini lebih rumit dibandingkan dengan usaha menghimpun al-Qur'ān, kerana rentang masanya yang agak jauh (masa *tabi'iin*¹²) dan kawasan Islam yang relatif sudah meluas; di samping itu ada pendapat daripada sebahagian ulama tentang larangan penulisan Hadīth pada masa Nabi s.a.w. (Hasbi Ash Shiddieqy, 1965 : 52; Zakaria Stapa, 1974 : 79). Gagasan penulisan al-Hadīth itu sendiri datang dari Khalifah 'Umar bin Abd al-'Azīz, salah seorang Khalifah Umayyah yang wafat pada 10 H. Gagasan ini mirip dengan gagasan penulisan al-Qur'ān, iaitu demi kemaslahatan umat. Beliau memerintahkan Ibn

¹² *Tabi'iin* adalah mereka yang hidup sezaman dengan sahabat Nabi s.a.w., tetapi tidak pernah bertemu dengan Rasulullah s.a.w. sendiri (Zakaria Stapa, 1974 : 77).

Shihāb al-Zuhrī dan Ibn Hazm (Gabenor di Madinah, 110 H.) untuk mengumpulkan Hadīth di seluruh Madinah. Usaha ini memberikan hasil yang cemerlang dan kemudian terus diikuti oleh ulama Hadīth berikutnya, sehingga terkumpul Kitab - kitab Hadīth berikut ulasan dan penentuan status Hadīth. Akhirnya, umat Islam dapat menikmati hasilnya dan sekaligus tidak mengalami kesukaran dan terhindar daripada pertikaian yang tajam dalam menjalankan ajaran agama mereka, khasnya yang berkenaan dengan ibadah mahdah, seperti taharah (bersuci), solat, puasa, dan haji.

Dalam hubungannya dengan kedua-dua kes tersebut, penulis sama sekali tidak bermaksud untuk menyejajarkan apalagi menyamakan al-Qur'ān, sebagai *kalamu'Llāh* (firman Allāh), dan al-Hadīth, sebagai *qawl, fi'l* dan *taghrīr* (sabda, perbuatan dan restu atau diamnya Nabi s.a.w.) dengan pantun, sebagai *kata-kata manusia biasa*. Akan tetapi yang penulis maksudkan kesamaan kepentingan dan kepedulian dan sekaligus mendorong penulis untuk melakukan perakaman dan pendokumentasian pantun - pantun yang sekarang masih ada dalam hafazan beberapa orang dan yang sudah berusia lanjut. Jadi, wajarlah jika mulai sekarang perlu ada usaha yang sungguh - sungguh untuk menggaluri, mengungkapkan dan mendokumentasikan budaya asli daerah, khasnya pantun Melayu Pontianak, sebelum objek itu luput daripada ingatan (pupus).

1.5 Kaedah Penyelidikan

Salah satu daripada tujuan penyelidikan ini adalah merakam pantun-pantun yang dihafaz oleh lapan orang responden. Oleh itu, untuk mempermudah dan memperlancar, dan memperoleh hasil perakaman yang sempurna, penulis menggunakan alat-alat sebagai berikut:

- a. Satu buah tape-recorder mono TCM 473 Sony untuk merakam pantun-pantun yang dihafaz dan merakam temu-bual (wawancara).
- b. Beberapa buah kaset rakaman BASF 90 untuk rakaman pantun-pantun dan temu-bual.
- c. Kamera berikut satu rol film Fuji 36 untuk membuat gambar pemantun dan beberapa keadaan kawasan penyelidikan.

Memandangkan objek yang diselidiki merupakan fenomena sosial-budaya yang sangat terbatas, iaitu di sekitar pengumpulan pantun, maka pendekatan yang menurut hemat penulis tepat dilakukan adalah dengan menggunakan ‘*analisis kualitatif*’.¹

Dengan pendekatan tersebut, maka kaedah yang digunakan untuk menganalisisnya adalah ‘*hermeneutik*’², iaitu

suatu kaedah untuk mengemukakan, menjelaskan dan mentafsirkan suatu bahasa sebagai simbol daripada berbagai -bagai perasaan, fikiran dan pengetahuan yang terpendam dalam batin atau ingatan penghafaznya. Kemudian hasilnya disampaikan kepada masyarakat yang hidup dalam dunia yang berbeza (Komaruddin Hidayat, 1996: 14).

¹ Menurut Soetandyo Wignyosoebroto, *analisis kualitatif* adalah analisis terhadap data yang dikumpulkan itu hanya sedikit, bersifat monografik atau berwujud kes-kes, sehingga tidak dapat disusun ke dalam suatu struktur klasifikatorik. (Lihat, Koentjaraningrat, *Metode-Metode Penyelidikan Masyarakat*, 1989 : 269.)

²Kata ‘*hermeneutik*’ berasal daripada bahasa Yunani *hermeneuein* yang bererti mentafsirkan. Kata-kata hermeneia bererti petafsiran atau interpretasi. Pada dasarnya, hermeneutik berhubungan dengan bahasa (berfikir, berbicara dan menulis), termasuk mengerti dan mentafsirkan. (Lihat, Soemaryono, *Hermeneutik Sebuah Metode Falsafah*, 1993 : 23 dan 26.) Lebih lanjut, lihat pada Komaruddin Hidayat, *Memahami Bahasa Agama, Sebuah Kajian Hermeneutik*, 1996 : 13 dan 125-26). Untuk mengkaji karya-karya keagamaan, ternyata hermeneutik sebagai ‘nama’ kepada metodologinya sudah disebut dan digunakan pada abad ke 17. (Lihat, Richard E. Palmer, *Hermeneutics Interpretation Theory in Schleiermacher, Dilthey, Heidegger, and Gadamer*, 1989 : 34-35.)

Ringkasnya, *hermeneutik* adalah suatu kaedah mentafsirkan suatu teks yang mengandungi masalah, seperti pesan yang disampaikan hanya sebahagian sahaja yang dapat dimengerti, tak jelas, dalam beberapa hal kabur, samar-samar, hampir tak dapat difahami dsb. (Loganathan Mutharayan, 1992 : 228). Tujuannya untuk memperoleh pemahaman atas teks yang telah ditafsir, kemudian menyampaikannya ke khalayak dengan bahasa yang dimengerti.

Adapun teks yang ditafsir merupakan hasil daripada perakaman pantun-pantun yang dihafaz dalam bahasa Melayu dialek dan idiolek Pontianak setelah disalin ke dalam bahasa baku atau standard. Seluruhnya berjumlah 1,185 rangkap pantun, dengan perincian seperti tercantum dalam jadual 1.1 di bawah. Kemudian seluruh pantun yang berhasil dirakam dan disalin ke dalam bahasa baku atau standard itu dijadikan sebagai dokumen teks pantun etnik Melayu Pontianak. Oleh itu, ia merupakan bahagian integral bagi tesis ini, dan dapat dibaca sebelum bahagian Daftar Kepustakaan, dengan tajuk "Teks Pantun Etnik Melayu Pontianak."

Untuk mendapatkan hasil yang diharapkan, maka tugas memilih teks yang akan ditafsir dilakukan dalam serangkaian kegiatan sebagai berikut:

Pertama, melakukan penyaringan daripada pantun-pantun yang telah disalin dalam teks, sama ada yang dihafaz oleh seorang pemantun atau lebih.

Kedua, membahaginya ke dalam jenis-jenis, khususnya yang mengandungi nilai-nilai Islam.

Ketiga, mentafsirkannya sesuai dengan pembahagian nilai-nilai Islam yang telah ditentukan.

Jadual 1.1 Jumlah Pantun Melayu Pontianak yang Berhasil**Dirakam dan Disalin Dalam Teks, 1999-2000**

Nama	Jantina	Umur	Bersekolah	Banyaknya Pantun	Keterangan
1	2	3	4	5	6
1. Sufifah	P	83	Tidak	257	11x pertemuan
2. Matsah Hasan	L	67	Tidak	173	9x pertemuan
3. Nurifah Hasan	L	57	Bersekolah	70	4x pertemuan
4. Sulaiman Daud	L	63	Bersekolah	53	5x pertemuan
5. Ramlah	P	79	Tidak	205	6x pertemuan
6. Bujang Daim	L	87	Tidak	223	10x pertemuan
7. Zainab	P	76	Tidak	124	6x pertemuan
8. Syarifah Laila	P	62	Tidak	60	3x pertemuan
Jumlah				1,185	54x pertemuan

Keterangan:

L - Lelaki

P - Perempuan

Dalam melakukan penyaringan daripada pantun-pantun yang telah disalin dalam teks, kegiatannya dilakukan melalui dua tahap. Pertama, memeriksa seluruh teks pantun yang dihafaz oleh seseorang responden. Jika terdapat kesamaan isi atau kandungannya, maka pantun tersebut dihitung satu. Misalnya pantun yang dihafaz oleh Bujang Daim :

*Pokok keranji di tengah halaman,
Tidak disangka berbuah lagi;
Sudah berjanji bersalam tangan,
Tidak disangka berubah lagi.*

*Kalau tuan pergi ke dalam,
Buah semangka berbuah lagi;
Kalau tuan sudah bersalam,
Tidak disangka berubah lagi.*

Kedua, memeriksa seluruh teks pantun yang dihafaz oleh semua responden.

Jika terdapat kesamaan isi atau kandungannya, sama ada pantun itu dihafaz oleh dua orang responden atau lebih, maka pantun tersebut dihitung satu. Misalnya pantun yang dihafaz oleh Matsah Hasan dan Sufifah:

*Lagilah dulu kuda kereta,
Sekarang sudah kuda tunggangan;
Lagilah dulu berpandang mata,
Jika besar jadi tunangan.
(Matsah Hasan, No 26)*

*Kecil-kecil kuda kereta,
Kalaulah naik saya tunggangkan;
Selagi kecil berpandang mata,
Sudahlah besar menjadi tunangan.
(Sufifah, No 8)*

Setelah dilakukan penyaringan, jumlahnya menjadi 815 pantun. Daripada jumlah tersebut, mengikut temanya, penjenisannya dapat disenaraikan seperti pada Jadual 1.2.³ Kemudian untuk jelasnya lagi, sila lihat pada Grafik 1.1.

Selanjutnya, dalam proses pentafsiran suatu teks yang telah dipilih diperlukan berbagai-bagai alatan, seperti kamus, buku-buku agama, sejarah, sosiologi, psikologi dsb. Mungkin juga dalam proses ini akan dijumpai teks yang saling menjelas dan


³ Huriahan mengenai tema-tema pantun Melayu Pontianak akan dikemukakan pada Bab 3.

mentafsirkan. Ertinya, seserangkap pantun akan dijelas dan ditafsirkan oleh seserangkap pantun lainnya.

Kemudian perlu dijelaskan bahawa pantun-pantun yang dijadikan contoh penganalisisan hanya akan disebutkan nama pemantun dan nombornya sahaja. Maksudnya agar membaca yang ingin memeriksanya dengan mudah dapat menemukannya pada Dokumen Teks Pantun Etnik Melayu Pontianak.

JADUAL 1.2 Tema-Tema Pantun Melayu Pontianak

No	Tema-Tema Pantun	Jumlah
1.	Pantun kanak-kanak: a. Permainan b. Rayuan, nasihat dan pengajaran c. Perasaan gembira.	2 5 3
2.	Cinta dan kasih sayang: a. Menyatakan cinta b. Percintaan berjaya c. Kasih sayang yang teruji d. Berpisah atau bercerai.	117 47 72 21
3.	Telatah dan cara hidup masyarakat: a. Budi b. Jenaka, kias, ibarat dan peribahasa c. Teka-teki.	28 205 8
4.	Pantun nasihat, agama dan adat	190
5.	Perenungan terhadap nasib, kembara dan perantauan	103
6.	Pantun naratif	6
7.	Pantun mantera	8
	J u m l a h	815




Grafik 1.1 Tema-Tema Pantun Etnik Melayu Pontianak

Patut pula ditegaskan di sini bahawa kedudukan penulis dibatasi oleh waktu dan tempat. Dalam keadaan sebegini, maka subjektiviti penulis dalam memahami dan mentafsirkan pantun-pantun berkenaan, bagaimanapun, tidak dapat dihindari. Oleh itu, adanya perbezaan pemahaman dan pentafsiran antara penulis dan penyelidik lain dengan tajuk dan permasalahan yang sama mungkin sahaja terjadi.

1.6 Keadaan Penyelidikan tentang Pantun

Penyelidikan dan penulisan tentang pantun telah banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana tempatan dan luar negeri. Misalnya:

Hans Overbeck (1882-1942), seorang orientalis berketurunan Jerman. Hasil kajiannya membuktikan bahawa pantun adalah *the sole property of the Malays*, seperti yang dimaksudkan dalam kajiannya (Zakiah Hanum, 1996 : 183). Beliau



Grafik 1.1 Tema-Tema Pantun Etnik Melayu Pontianak

Patut pula ditegaskan di sini bahawa kedudukan penulis dibatasi oleh waktu dan tempat. Dalam keadaan sebegini, maka subjektiviti penulis dalam memahami dan mentafsirkan pantun-pantun berkenaan, bagaimanapun, tidak dapat dihindari. Oleh itu, adanya perbezaan pemahaman dan pentafsiran antara penulis dan penyelidik lain dengan tajuk dan permasalahan yang sama mungkin sahaja terjadi.

1.6 Keadaan Penyelidikan tentang Pantun

Penyelidikan dan penulisan tentang pantun telah banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana tempatan dan luar negeri. Misalnya:

Hans Overbeck (1882-1942), seorang orientalis berketurunan Jerman. Hasil kajiannya membuktikan bahawa pantun adalah *the sole property of the Malays*, seperti yang dimaksudkan dalam kajiannya (Zakiah Hanum, 1996 : 183). Beliau

memiliki satu koleksi pantun yang berharga, iaitu kira-kira 2,000 rangkap pantun yang telah dikumpulkan sebelum tahun 1914 yang terdapat dalam daerah Melayu-Nusantara, termasuk Tanah Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu (Anwar Ridhwan, 1996 : 189-196).

Sebuah latihan ilmiah yang dihasilkan di Fakulti Sains Fizik dan Gunaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (1987). Kajian ini telah berhasil menyenaraikan hampir 200 spesies (192) jenis flora yang disebut dalam pantun. Terdapat kesesuaian ciri-ciri objek yang dirujuk dengan maksud dan pemikiran yang diserap oleh pantun-pantun tersebut (Harun Mat Piah, 2001 : xxxii). Kajian lain untuk Ijazah M.A. di Jabatan Persuratan Melayu dengan judul "Perlambangan dalam Pantun Melayu" Universiti Kebangsaan Malaysia (1991). Kajian ini berjaya menyenaraikan pelbagai objek daripada fauna dan flora yang telah diterapkan sebagai lambang dan citra yang indah dalam berkesan dalam pantun Melayu (*Ibid.*)

Eka Hendry (1998), dengan tajuk *Nilai-nilai Pendidikan dalam Petuah dan Pantangan Etnik Melayu Pontianak*, menyimpulkan bahawa petuah atau nasihat dalam budaya Melayu Pontianak terlembaga dalam "pantun," "syair," dan "pantangan" (1998 : 63). Perbezaan antara *petuah* dan *pantangan* dalam kajian tersebut terletak pada cara penyampaiannya sahaja. *Petuah* atau *nasihat*, pada umumnya, disampaikan secara eksplisit dalam bentuk *pantun* dan *syair*; sebaliknya, *pantangan* disampaikan secara implisit dalam bentuk larangan-larangan. Dalam *pantangan*, antara 'larangan' dan 'akibatnya' sering tidak relevan dan tidak logik, dan bahkan cenderung menjadi sebuah dogma, kerana sebahagian objek yang dituju oleh larangan itu tidak memahami apa makna dan maksud yang sebenar. Jumlah pantun

yang dikumpulkan 62 pantun dan hanya dihafaz oleh beberapa orang pemantun yang telah berusia lanjut (60 – 86 tahun). Dikhawatirkan, jika pantun-pantun yang ada dalam hafazan mereka dan lainnya loput daripada ingatan, maka lambat-laun akan punah.

Fatimah binti Subet (1999), dengan tajuk *Implikatur Dalam Pantun Melayu Sarawak*. Implikatur ialah salah satu aspek penting dalam bidang pragmatik, iaitu satu bidang yang mengkaji hubungan antara bahasa dengan konteks (*Ibid.*, 5). Dengan demikian, kajian ini bermaksud di samping menjelaskan bagaimana penggunaan bahasa itu dalam pantun, juga mentafsirkan makna yang diungkap dalam pelbagai konteksnya. Daripada pantun yang berhasil dikumpulkan (114 pantun), dan daripada jumlah itu, sebanyak 50 pantun telah dipilih sebagai sampel untuk dianalisis. Kemudian berdasarkan kepada analisis tersebut, pengkaji menyimpulkan bahawa terdapat 10 strategi penggunaan implikatur:

1. untuk menyatakan kerisauan
2. untuk mencabar seseorang/mengukur cabaran
3. untuk menyindir seseorang
4. untuk menyatakan kesanggupan untuk berkorban
5. untuk menyatakan kesungguhan dan keyakinan
6. untuk memberi nasihat
7. untuk menyatakan kekesalan
8. untuk menyatakan ketidakpuasan
9. untuk menyatakan kesedihan dan meminta persetujuan
10. untuk memberi pesanan kepada seseorang (*Ibid.*, 41-42).

1.7 Orientasi Tesis

Tesis ini membahas konsep-konsep pantun dan nilai-nilai Islam yang berhubungan dengan kehidupan sosial dan budaya etnik Melayu Pontianak. Kedua-dua konsep itu tidak berdiri sendiri, tetapi saling berhubungan satu dengan lainnya yang tersusun dalam tajuk *Nilai-Nilai Islam yang Terkandung dalam Pantun Etnik*

Melayu Pontianak. Hasil daripada tesis ini berupa penemuan data, perakaman, pemahaman dan pentafsiran, kemudian penyajian teks dalam bentuk dokumen teks. Bagaimanapun, kerana rangkaian kegiatan itu sangat banyak ditentukan oleh konsep-konsep tersebut, maka di sini perlu diberikan perhatian yang sungguh-sungguh terhadap persoalan mengenai pandangan itu.

Akan tetapi sebelum orientasi tesis ini dinilai secara keseluruhan, penulis ingin membicarakan lebih dahulu secara umum tentang etnik Melayu Pontianak, sebagai sumber asli daripada pantun.

1.7.1 Etnik Melayu Pontianak

Kotamadia⁴ Pontianak merupakan salah satu daripada sembilan⁵ daerah tingkat dua di Propinsi Kalimantan Barat yang memiliki keragaman budaya. Keragaman ini tercermin dalam pluraliti atau kemajmukan etnik, agama, bahasa dan adat. Jumlah penduduknya berdasarkan data yang dihimpun oleh Badan Pusat Statistik (BPS) Kotamadia Pontianak tahun 1999 adalah 488,800 orang (*Kotamadia Dalam Angka 1998*), dengan etnik Melayu sebagai etnik majoriti.⁶

⁴ Kotamadia ialah Bandar yang diisytiharkan oleh pemerintah sebagai sebuah daerah otonom dalam sebuah propinsi (Chalida Fachruddin, 1998). Tetapi, berdasarkan Undang-Undang No. 22 Tahun 1999, tarikh 7 Mei 1999, sebutan Kotamadia diganti dengan 'Daerah'; dan sebutan Daerah Tingkat II, sama ada untuk Daerah atau Kabupaten ditiadakan. Penggantian dan peniadaan sebutan ini baharu diberlakukan selambat-lambatnya pada Januari 2000. Oleh itu dalam tulisan ini penulis masih menggunakan sebutan yang lama.

⁵ Jumlah ini sudah termasuk Bengkayang dan Landak yang sejak tahun 1999 telah ditadbirkan menjadi kabupaten (*Pontianak Post*, 21 Mei 1999 dan 12 Oktober 1999).

⁶ Mengenai jumlah etnik Melayu di Kotamadia Pontianak khasnya dan di Kalimantan Barat amnya tidak tersedia data yang pasti mengingat Sensus Penduduk Indonesia semenjak tahun 1968 tidak lagi mencantumkan pengelompokan etnik. Walaupun demikian, penulis berkeyakinan bahawa etnik Melayu di Kotamadia Pontianak khasnya merupakan etnik majoriti. Keyakinan ini antaranya didukung oleh jumlah umat Islam dan kewujudan mereka sebagai "penduduk asli." Jumlah pemeluk Islam ialah 319,139 orang (*Kotamadia Pontianak Dalam Angka 1998* : 136). Setelah dikurangi pemeluk agama Islam daripada etnik lain, ternyata jumlahnya masih tetap lebih banyak daripada etnik lainnya. (Lihat, Chairil Effendi, 1998 : 6; La Ode, 1997: 10.)

Etnik Melayu Pontianak sepetimana etnik Melayu pada umumnya memiliki karakteristik-karakteristik seperti *bahasa Melayu*, *agama Islam*, dan *adat Melayu* (Ismail Hussein, 1988 : 6; Mohd. Taib Osman, 1989 : 10; King, 1993 : 31).

Bahasa selain berperanan sebagai alat komunikatif, juga sebagai simbol atau lambang kekuatan dan kedaulatan bangsa dan cita-cita segenap lapisan masyarakat. Malahan, seperti yang dikatakan oleh Ismail Hussein, dalam bukunya *Antara Dunia Melayu dan Dunia Indonesia* (1988 : 39), “Bahasa itu Jiwa Bangsa.” Bagi masyarakat Melayu, simbol, cita-cita dan jiwa berkenaan tidak lain adalah *bahasa Melayu*, yang sejak abad ke-15 telah menjadi lingua franca di Nusantara (Amat Juhari Moain, 1990 : 3). Dalam kedudukannya sebagai lingua franca, ternyata bahasa ini yang paling luas dan beragam pengucapannya, atau yang paling kosmopolitan sifatnya, baik di Nusantara maupun di Asia Tenggara (Ismail Hussein, 1988 : 9), berbanding dengan bahasa-bahasa lainnya. Hal ini dimungkinkan kerana orang Melayu kebanyakannya masyarakat pesisiran, sehingga mereka menjadi terbuka dan amat peka terhadap unsur-unsur dan pengaruh-pengaruh yang datang dari luar. Oleh itu, tidaklah menghairankan di Kalimantan Barat ada sebutan “Orang Laut” untuk orang Melayu; dan “Orang Darat” untuk orang Dayak. Bagi orang Melayu Pontianak bahasa yang mereka gunakan bahasa Melayu dengan dialek Pontianak.⁷ Bahasa ini mirip dengan bahasa yang digunakan oleh orang Melayu yang mendiami pesisir timur Sumatera (Sumatera Utara dan Riau,- daratan dan juga lautan), Semenanjung Malaysia, Brunei Darussalam dan Thailand Selatan (Pattani), sehingga dengan karakteristik ini memungkinkan mereka dapat berkomunikasi. Dalam sejarahnya,

⁷ Alqadrie (1996) membahagi Bahasa Melayu Kalimantan Barat menjadi tujuh dialek, salah satunya ialah dialek Melayu Pontianak. Dialek ini digunakan oleh masyarakat yang mendiami kawasan Kabupaten Pontianak dan Kotamadia Pontianak.

bahasa ini pulalah yang digunakan sebagai media utama dalam penyebaran dan pembinaan agama Islam di seluruh Kepulauan Melayu-Indonesia (Ismail Hussein, 1988 : 9; al-Attas, 1990 : 4). Termasuk di berbagai-bagai lembaga pendidikan Islam, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar sejak abad ke-17. Kemudian disusul penggunaannya oleh para penyebar agama Kristian (*missionary*), dan akhirnya oleh pemerintah kolonial Belanda sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah pemerintah (Abdul Hadi, 1995 : 15-16).

Karakteristik berikutnya ialah *agama Islam*. Bagi orang Melayu pada amnya dan orang Melayu Pontianak khasnya, “beragama Islam,” selain merupakan faktor yang bererti (*significant*) dalam sistem kebudayaan Melayu, juga sebagai pembeza etnik antara Melayu dan bukan-Melayu. Walaupun dalam kehidupan sehari-hari mereka mungkin kurang memperhatikan ajaran - ajaran Islam, atau bahkan mungkin mengabaikannya, namun Islam tetap menjadi jati diri mereka. Begitu menonjolnya jati diri keislaman mereka, sehingga ada ungkapan di Kalimantan Barat, kemasukan seseorang – Dayak dan Cina – ke dalam agama Islam sama dengan “masuk Melayu” atau “turun Melayu” (King, 1993 : 31; La Ode, 1997 : 14). Ungkapan ini tidak berlaku di bahagian Kalimantan lainnya, seperti di Kalimantan Timur, Tengah dan Selatan. Ertinya, Dayak yang masuk Islam tetap dianggap dan menganggap diri mereka sebagai Dayak.

Istilah “masuk Melayu” atau “turun Melayu,” sudah tentu, bertalian erat dengan kegiatan dakwah Islam yang dilakukan oleh orang-orang Melayu, yang oleh La Ode (1997 : 21) kegiatan ini diistilahkan sebagai “Islamisasi”. Namun lebih daripada itu, “masuk Melayu” adalah juga “pemelayuan,” suatu proses perubahan

daripada bukan-Melayu menjadi Melayu. Sebab, dengan “masuk Islam,” bagi kelompok Dayak khasnya, sekaligus melepaskan identiti etnik dan kebudayaannya (Chairil Effendy, 1998 : 4). Misalnya, orang Dayak yang telah memeluk Islam, selain mereka mengganti nama mereka dengan nama Melayu, juga meninggalkan bahasa ibunda mereka dan tinggal bersama orang-orang Melayu. Malahan sering di antara mereka kemudian membentuk komuniti tersendiri dan tinggal terpisah dan atau memisahkan diri dari tempat asalnya; atau berdasarkan kepada pengamatan penulis tahun 1970-an, kalaupun-mereka masih tinggal di tempat asalnya, mereka membuat garis batas, misalnya sungai, seperti yang dilakukan masyarakat Dayak Islam Desa Raut, Kecamatan Balai Karangan, Kabupaten⁸ Sanggau. Alasan mereka antaranya agar ternakan babi milik saudara-saudara mereka yang beragama Kristian dan yang masih berkepercayaan Animisme tidak berkeliaran di pekarangan-pekarangan mereka. Jadi, alasan mereka lebih bersifat agama.

Imej atau citra yang telah digambarkan di atas terus berlangsung, manakala masyarakat Dayak berinteraksi dengan pemeluk Islam yang kebetulan berasal daripada etnik lain, seperti Madura, yang mengikut Hendro Suroyo Sudagung sudah mulai masuk ke Kalimantan Barat pada awal abad ke 20 (*Ibid.*, 5) Di antara lelaki Madura, walaupun jumlahnya tidak terlampaui banyak, ada yang membina rumah-tangga dengan perempuan Dayak. Kemasukan perempuan tersebut ke dalam agama suaminya (Islam) oleh masyarakat Dayak sendiri tidak disebut “masuk atau menjadi Madura,” melainkan “masuk atau menjadi Melayu.”

⁸ Kabupaten adalah kawasan luar bandar yang merangkumi juga bandar-bandar kecil yang ditadbirkan sebagai suatu daerah otonom dalam sebuah propinsi (Chalida Fachruddin, 1998).

Istilah “masuk Melayu” juga berlaku bagi etnik Cina, meskipun jumlahnya tidak sebanyak etnik Dayak. Namun begitu, pandangan orang Melayu terhadap Cina-Islam atau Cina-Melayu kerap ditandai oleh sikap yang berlawanan (*ambivalence*) (*Ibid.*, 8). Chairil Effendy mengemukakan dugaannya bahawa sikap yang berlawanan ini disebabkan oleh faktor perbezaan adat dan tradisi, dan mungkin juga faktor sejarah. Di samping itu, adanya pandangan daripada kedua-dua belah pihak yang saling merendahkan dan sekaligus menjadi stereotaipnya. Misalnya, sebutan ‘*pan nyin*’ ('*separuh manusia*') daripada masyarakat Cina terhadap masyarakat Melayu dan ungkapan '*Cina tetap Cina*' yang selalu berkonotasi negatif, daripada masyarakat Melayu terhadapnya. Cara memandang dan bersikap yang berlawanan ini agaknya masih terasa sampai sekarang, walaupun tidak sekuat dan setajam pada masa lampau, iaitu masa penjajahan Belanda.

Semenjak Negara Republik Indonesia menjadi Negara Kesatuan dan lebih-lebih lagi setelah digalakkan “Wawasan Nusantara”⁹ oleh Pemerintah, maka peluang dan kesempatan etnik-etnik lain untuk memasuki ke dan menetap di Kalimantan Barat menjadi amat luas dan terbuka, misalnya melalui penugasan dan pemindahan pegawai (sivil, polis dan tentera), transmigrasi, perdagangan dan sebagainya. Tambahan lagi dari semasa ke semasa sarana perhubungan (laut, udara dan darat) relatif makin tersedia dan lancar. Hal ini sedikit sebanyak memberikan orientasi baru terhadap kegiatan dakwah Islam di kalangan masyarakat Dayak. Sehingga kegiatan dakwah Islam yang dahulu dilakukan oleh orang-orang Melayu, sekarang dilakukan juga oleh orang-orang Islam daripada etnik lain, secara perseorangan maupun

⁹ Wawasan Nusantara cara pandang bangsa Indonesia tentang diri dan lingkungannya berdasarkan idea kebangsaan, yang berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945, yang merupakan aspirasi bangsa Indonesia yang merdeka, berdaulat dan bermartabat, serta menjawai tata hidup dan tindak kebijaksanaannya dalam mencapai tujuan perjuangan kebangsaan (LEMHANAS, 1988 : 6).

kelompok. Kenyataan ini, secara beransur-ansur ikut membantu dan berperanan dalam merubah mereka daripada imej atau citra Islam sama dengan Melayu ke imej atau citra Islam tidak sama dengan Melayu. Dengan perkataan lain, mereka masuk agama Islam tidak dengan serta-merta harus merubah jatidiri keetnikan mereka, termasuklah bahasa, nama dan adatnya. Ini dibuktikan antaranya dengan kelahiran “Ikatan Keluarga Dayak Islam” (IKDI)¹⁰ belakangan ini.

Karakteristik yang terakhir ialah *adat Melayu*. Adat bagi orang Melayu, meskipun hanya berpaksikan kebiasaan atau kelaziman, meliputi keseluruhan cara hidup yang dimahui untuk menjamin ketertiban, keamanan dan keadilan, keharmonian dan keseimbangan buat setiap anggota masyarakat, baik dalam hubungan mereka dengan sesama maupun dalam hubungan mereka dengan lingkungan fizikal (alam tabii). Dengan demikian, adat boleh dikatakan merupakan peraturan sosial yang mengandungi di dalamnya kod etika dan moral yang berdasarkan kepada nilai-nilai sosial (Wan Abdul Kadir, 2000 : 68). Demikian kuatnya adat dalam kehidupan orang Melayu, sehingga timbul ungkapan “Biar mati anak jangan mati adat,” dan “hidup dikandung adat dan mati dikandung tanah.” Mengikut Nordin Selat, dalam bukunya *Renungan*, perkataan ‘adat’ itu mempunyai erti yang jauh lebih luas, meliputi norma-norma masyarakat, termasuk undang-undang. Maksudnya, dalam menjalankan undang-undang, kebenaran dan keadilan

¹⁰ Ikatan Keluarga Dayak Islam (IKDI) adalah suatu pertubuhan yang menghimpun orang-orang Dayak Kalimantan Barat yang beragama Islam dengan tetap menggunakan Dayak sebagai jati diri mereka. Pertubuhan ini lahir pada 5 Januari 2000, antaranya sebagai penemuan kesedaran baru daripada intelektual generasi baru. Kesedaran ini timbul kerana mereka menghadapi kenyataan yang berkenaan dengan berbagai-bagai konflik yang timbul antara satu etnik dengan etnik lainnya, terutamanya antara Dayak dan Melayu, dan Melayu dan Dayak di Kalimantan Barat yang hingga kini belum dapat diatasi.

dilebihkan daripada ikatan kekerabatan. Kalau anak sendiri pun berbuat salah, mesti dijalankan juga undang-undang ke atasnya (*Ibid.*, hlm. 228). Selain itu, perbilangan ini berupaya untuk menutup kemungkinan nepotisme dan penyalahgunaan lain dalam menjalankan undang-undang (*Ibid.*, hlm. 229).

Konsepsi adat dalam kognisi Melayu itu merupakan hasil daripada tanggapan, pemikiran dan pengalaman mereka terhadap alam. Bagi orang Melayu, alam dilihat bukan sahaja sebagai anugerah Tuhan yang tiada ternilai harganya untuk manusia, tetapi juga sebagai ruang untuk manusia bercermin dirinya (Muhammad Haji Salleh, 1996 : 112-13); seperti yang terungkap dalam kata perbilangan *Alam terkembang jadi guru* (Navis, 1984 : 59). Ringkasnya, konsepsi adat Melayu itu bersumber daripada falsafah alam.

Patut ditambahkan di sini bahawa kedatangan Islam di Kepulauan Melayu - Indonesia bukan hanya mengajarkan sistem kepercayaan dan ritual, melainkan juga telah mengangkat martabat bahasa Melayu kepada kedudukan yang terhormat dan mulia. Sehubungan itu, peranan ulama sangat besar dalam proses Islamisasi bahasa Melayu. Islamisasi bahasa bererti Islamisasi pemikiran dan kebudayaan (Abdul Hadi, 1995 : 16). Oleh itu, bahasa Melayu dan Islam tertaut sedemikian eratnya, sehingga tak mungkin dipisahkan daripada orang Melayu, sebab kedua-duanya merupakan alat penahan keperibadian mereka yang terpenting (Ismail Hussein, 1988 : 38).

Selain dalam bidang bahasa, Islam juga ikut mengukuhkan dan melengkapi

adat kebiasaan Melayu, yang dalam usul fikah diistilahkan dengan '*urf*'.¹¹ Pertemuan Islam dan adat, yang masing-masing bersifat universal dan tempatan, kemudian saling mengukuhkan dan melengkapi dan tertaut sedemikian rupa dalam wadah yang bernama Melayu. Ini tercermin dalam ungkapan-ungkapan di bawah:

*Elok budaya kerana agama,
elok adat kerana kiblat.
Apa tanda budaya Melayu,
kepada Islam ia mengacu.
Apa tanda Melayu berbahasa,
kepada Islam ia berpunca.
Tegak Melayu kerana budayanya,
tegak budaya kerana agamanya.
Di mana tempat Melayu teguh,
pada sunnah beserta sharah.
Di mana tempat Melayu diam,
pada adat bertiangkan Islam.
di dalam pantun, sharah dan petunjuk berhimpun
(Tenas Effendy, t.t. : 3)*

Ungkapan-ungkapan tersebut dapat disederhanakan menjadi:

*Adat bersendi shara',
Shara' bersendi Kitabullah"
Shara' yang lazim, adat yang qawi,
Shara' mengata, adat memakai.
(Abdullah Siddik, 1975 : 7; Taufiq Abdullah, dalam
Navis, 1984 : xi; Sanusi Latif, 1988 : 64)*

Perpaduan antara Islam dengan adat inilah, kemudian dapat melahirkan kebudayaan Melayu, yang di dalamnya peribadi dan jati diri Melayu ditempa dan dibentuk dan diorientasikan kepada **budi**. Tujuannya adalah untuk menghasilkan **manusia yang budiman**, dengan pantun sebagai salah satu wadah dan wahananya.

¹¹ '*Urf* menurut bahasa bererti "mengetahui," kemudian digunakan dalam erti "sesuatu yang diketahui, dikenal, dianggap baik dan diterima oleh fikiran yang sihat." Kata '*urf* disebutkan dalam al-Qur'an: "Wa 'amur bi al-'urf wa a'rid 'an al-jāhilin." (*Q.S. al-A'rāf*, 7 : 199). Sedangkan dalam istilah, '*urf* bererti '*adat jumhūri qawmin aw 'amalin*. Artinya: "Kebiasaan orang baik dalam kata-kata maupun perbuatan." (Lihat, Abu Zahrah, 1958 : 382; Hanafi, 1984 : 89.)

1.7.2 Pantun

Etnik Melayu Pontianak, sebagai etnik majoriti di Kotamadia Pontianak dan dengan karakteristik yang telah disentuh di atas, memiliki khazanah budaya yang belum banyak digalur dan diungkapkan secara sungguh-sungguh, salah satunya ‘pantun.’

Pantun, sebagai salah satu daripada genre puisi Melayu tradisional, tak dapat dipisahkan daripada kehidupan orang Melayu masa silam (Tenas Effendy, t.t. : 15). Pantun lahir dan berkembang dalam masyarakat yang tidak terpelajar, bahkan buta huruf. Walau bagaimanapun, ia telah digunakan dan dihayati oleh seluruh lapisan masyarakat secara turun-temurun, dari satu generasi ke generasi berikutnya, sebagai salah satu warisan budaya yang paling berkesan dan menjadi pusaka budaya yang dimengerti dan diminati (Aziz Deraman, 1994 : 135-36). Dengan perkataan lain, pantun telah meresap ke dalam seluruh kehidupan orang Melayu tanpa memandang tingkat sosial, batas usia dan pendidikan (Muhammad Haji Salleh & Bazrul bin Bahaman, t.t. : 139). Di sinilah letak keunikan yang sebenar daripada sastera lisan sebagai fenomena sosial budaya yang hidup di tengah-tengah masyarakat dengan segala lapisan dan zaman. Sedemikian meresap karya sastera ini dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman, sehingga pantun tidak dapat dipisahkan daripada ruang-lingkup pemikiran, minda, perasaan, estetika, cita-cita, imaginasi, kebiasaan dan daya kreativiti mereka. Hal ini dapat difahami kerana pantun merupakan cerminan daripada seluruh aspek kehidupan masyarakat Melayu yang berlaku di sekitarnya, sejak seseorang masih dalam buaian sehingga tua, dan bahkan mungkin setelah meninggal. Selain itu, hampir seluruh pengkaji bahasa Melayu, dari dalam maupun dari luar, tanpa keraguan sedikit pun bersepakat bahwa

pantun merupakan hasil kesusastraan asli Melayu.

Kesepakatan lainnya adalah dalam penentuan genre puisi Melayu. Daripada dua belas genre puisi Melayu yang telah disusun oleh Harun Mat Piah (1989 : 95), genre-genre pantun dan syair dapat dianggap yang paling muktamad. Tidak ada percanggahan pendapat dalam penggolongannya, berdasarkan bentuk, pembahagian, unit dan isinya, kecuali dalam hal penentuan sistem rima dan tema sahaja (*Ibid.*, 43).

Daripada segi bentuk, umumnya pantun dibahagi kepada empat:

1. *Pantun dua baris* – yang dikenal juga sebagai *pameo* atau *pantun kilat*,
2. *Pantun empat baris* – *kquatrain*,
3. *Pantun yang lebih dari empat baris*, dan,
4. *Pantun berkait* (*Zainal Abidin Bakar, Peny., 1984 : 25*).

Data lapangan menunjukkan bahawa daripada keempat-empat bentuk pantun di atas hanya bentuk pantun empat baris dan pantun berkait sahaja yang dihafaz oleh responden dan berhasil dirakam. Oleh itu, kedua - dua bentuk pantun tersebut, khasnya yang empat baris, akan dibahas lebih lanjut.

Pantun, sebagai salah satu daripada genre puisi Melayu tradisional, dianggap amat bermanfaat bagi dan memainkan sejumlah peranan dalam kehidupan orang Melayu, seperti menyampaikan fikiran dan perasaan terhadap seseorang atau mengenai suatu perkara, menyindir, berkelakar, berhibur, memberi nasihat, pengajaran dan sebagainya. Dengan demikian, kemahiran dan kebolehan dalam berpantun, lelaki atau perempuan, sudah tentu, akan memberikan kedudukan dan

kehormatan dan menaikkan prestij orang yang memantun, di samping rasa kepuasan itu sendiri, dan menambah darjat majlis. Oleh itu, penyampaian pantun untuk peristiwa-peristiwa tertentu biasanya dilakukan bukan oleh sebarang orang. Pantun - pantun yang disampaikan sudah ada dalam hafazannya. Ertinya, bila-bila masa dan di mana saja pemantun diminta untuk menyampaikan pantun, bait-bait itulah yang meluncur dari lisannya berdasarkan ingatan atau hafazan yang dimilikinya. Keadaan ini menuntut yang berkenaan untuk menghafaz dan menguasai pantun-pantun yang pernah didengar daripada nenek-moyangnya secara turun-temurun dan teman-teman sepermainannya dari mulut ke mulut. Begitu pula dia harus mampu menghasilkan pantun secara spontan dalam situasi berpantun atau berbalas pantun. Kebolehan mencipta dan menghasilkan pantun dalam suasana sebegini merupakan keistimewaan yang sangat disanjung dan dihormati dalam masyarakat (Wan Abdul Kadir & Ku Zam Zam Ku Idris, 1996 : 98).

Namun begitu, seiring dengan pergantian, perjalanan ruang dan masa dan mobiliti penduduknya, dan mengingat pula penyampaian hanya dari mulut ke mulut, maka tidaklah menghairankan kalau terjadi sedikit perubahan dalam langgam dan susunan kata - katanya (penambahan, pengurangan, atau penggantian), terutama sampiran atau pembayangnya (baris pertama dan kedua). Hal ini disebabkan bahawa pantun-pantun yang dihafaz itu tidak diketahui pengubah atau pengarangnya, kerana sudah menjadi milik masyarakat. Sekalipun demikian, isinya umumnya tidak berubah (Lah Husny, 1986 : 187). Misalnya, pantun-pantun dalam teks di bawah:

*Kapal kecil jangan dibelok,
Kalau dibelok patah haluannya;
Budak kecil jangan dipeluk,
Kalau dipeluk patah pinggangnya.*

*Hujan ribut kencang di pulau,
Papan jati menimpa ruang;
Selagi hidup masih bergurau,
Sudah mati tergolek seorang.
(Hasil rakaman pantun Melayu Pontianak)*

*Kalau berlayar jangan berbelok,
Kalau berbelok patah tiangnya;
Orang muda jangan dipeluk,
Kalau dipeluk patah pinggangnya.*

*Hujan ribut berlayar ke pulau,
Kalau ditimba ruang;
Selagi hidup kita bergurau,
Sudah mati tinggal seorang.
(KPM – 1729 dan 801)*

Kegiatan menghafaz pantun mirip dengan kegiatan menghafaz al-Qur'an, yang lazim disebut mengaji. Perbezaannya terletak pada sifat dan objek yang dihafaz sahaja. Menghafaz al-Qur'an bersifat *dīnī* (*religious*), dan objek yang dihafaz adalah *kalāmu'Llāh* (firman Allāh). Oleh itu, menurut adat kebiasaan Melayu, kegiatan ini (mengaji al-Qur'an) harus didahulukan sebelum belajar lainnya, termasuk belajar bahasa Melayu (al-Attas, 1990 : 88). Sedangkan menghafaz pantun, sifatnya adalah *dunyawī* (*worldly*) dan objeknya adalah *bahasa manusia*. Kedua-dua kegiatan tersebut kental dilakukan orang-orang Melayu, sehingga di samping mereka banyak yang hafaz ayat-ayat al-Qur'an, banyak pula yang hafaz pantun-pantun.

Apa yang baharu sahaja dikemukakan di atas tidak bererti bahawa mereka mengabaikan dan menafikan tradisi bertulis, khasnya tulisan Arab-Melayu (jawi), suatu tulisan yang merangkumi 28 abjad Arab dan 6 abjad tambahan, yang menurut Hollander (1984 : 3), dan Hashim Musa diperkirakan telah tumbuh dan berkembang semenjak abad ke-13 atau awal ke-14 Masihi (Samat Buang, 1999 : 469). Tulisan ini merupakan sumbangan yang amat berharga agama Islam kepada kebudayaan Melayu, namun sudah jarang atau mungkin sudah tidak difahami lagi oleh generasi

sekarang, khususnya di Pontianak, kerana tidak dipelajari dan digunakan lagi dalam kehidupan sehari-hari, baik formal maupun nonformal. Ini dimulakan semenjak masa penjajahan Barat (Portugis, Belanda dan Inggeris); penjajah memperkenalkan dan menggunakan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi kepada orang Melayu. Lama-kelamaan tulisan ini dirasakan sangat praktikal dan lebih tepat membunyikan bahasa Melayu, . . . (Aziz Deraman, 1994 : 151).

Dalam pantun, pilihan kata yang baik, tepat, bermakna dan bernas begitu dipentingkan; kerana dengan cara sebegini dianggap lebih menarik dan lebih komunikatif serta dapat membangkitkan perasaan para pendengarnya. Di samping itu, akan mudah dihafaz dan diingat. Dengan demikian, untuk dapat merasai isi pantun sebagaimana mestinya, seseorang tidak cukup dengan mengetahui bahasa dan susunan ayatnya sahaja, melainkan juga ada perasaan irama dan perasaan bahasa (Lah Husny, 1987 : 188; Mohd. Taib Osman, 1995 : 4). Oleh itu, pilihan kata yang baik, tepat, bermakna dan bernas itu merupakan prasyarat agar kandungan pantun dapat memenuhi maksud yang hendak disampaikan dan sekaligus dapat mengganti ayat-ayat panjang yang lazim digunakan dalam prosa.

Agaknya, kebiasaan serupa itu dilakukan oleh para penulis masa silam dalam mengungkapkan fikiran, gagasan, perasaan dan pengalaman hidup mereka. Misalnya, *Syair Pangeran Syarif*, oleh Sultan Matan, yang ditulis pada 27 Muharram 1313 H./1 Julai 1895; *Syair Hasan Masri*, yang diterbitkan tahun 1903; *Ini Syair Qiyamah*, yang diterbitkan oleh Penerbit Muhammad Bombai, 1353 H.; *Syair Pantun Seloka*, oleh Haji Muhammad Amin bin Haji Abdullah, 1343 H./1925 M.; *Syair Ibarat Singapura*, oleh Tuan Haji Muhammad Arifin bin Salim, 1347 H./1928 M., dan

masih banyak lagi lainnya.

Pantun itu sendiri, sesuai dengan temanya banyak jenisnya. Dalam praktik, cara pembahagian pantun mengikut temanya mengalami kerumitan sedikit, sehingga dapat menimbulkan perbezaan-perbezaan antara pengumpul dengan pengumpul lainnya. Namun begitu, cara penulisannya, terutama yang empat baris, adalah sama, iaitu menggunakan sajak berangkai yang biasa disimbolkan dengan huruf **a-b-a-b**. Baris pertama dan kedua biasa disebut sampiran atau pembayang, dan baris ketiga dan keempat disebut isi atau maksud.

Pembayang diambil daripada alam, kerana memang manusia hidup dalam alam dan menghubungkan dirinya dengan alam ciptaan Tuhan di sekelilingnya, sejauh yang dapat ditangkap dan dijangkau oleh pancaindera dan fikirannya. Misalnya, haiwan, tumbuh-tumbuhan, gunung, laut, angin dan sebagainya, dan bahkan sampai merambah pada benda - benda budaya dan kepercayaan serta khayalan. Dengan demikian, pada hakikatnya, pembayang berisi gambaran tentang alam, sehingga sering disebut dunia alamiah atau alam terbuka, sebagai struktur luaran, yang fungsinya memberikan bayangan kepada isi atau maksud. Sedangkan isi atau maksud merupakan gambaran daripada dunia manusia atau alam rohani manusia, dan sekali gus sebagai jiwa atau roh pantun, sebagai struktur dalaman. Kesanggupan mempertalikan kedua-duanya sehingga tertaut secara integratif dan terucapkan dengan indah adalah satu bahagian daripada hikmat (Hamka, 1977 : 166; Muhammad Haji Salleh, 1988 : 19; Norazit Selat & Zainal Abidin Borhan, 1996 : 33). Kerana simpulannya pendek dan sering memakai perumpamaan yang menimbulkan fikiran dan perasaan yang mendalam, maka sifatnya serupa dengan

peribahasa, pepatah, perumpamaan, kiasan atau pameo (Alisjahbana, 1971 : 8).

Melalui pertalian dan pertautan seperti itulah sehingga pembaca atau pendengar dapat menyelami keluh-kesahnya, riang-gembiranya, suka-dukanya, rindu-dendamnya, cita dan cintanya (Anis Sabirin, 1973 : 25; Hamka, 1977 : 166). Ringkasnya, pantun bukan sahaja mengandungi persoalan yang emosional, melainkan juga rasional dan logikal, sebagai kesan interaksi manusia dengan alam fizikal dan sesama manusia.

1.7.3 Nilai-Nilai Islam

Salah satu daripada tema pantun yang sesuai dengan kajian ini ‘pantun agama’ (Islam). Dikatakan ‘pantun agama’ kerana mengandungi di dalamnya nilai-nilai luhur agama. Pantun sebegini, biasanya digunakan untuk berdakwah dan membincangkan adapt - istiadat oleh pemimpin agama dan penguasa adat. Kepelbagaiannya keperluan dan kegiatan ini memperlihatkan adanya unsur yang saling mengukuh dan menguatkan.

Nilai-nilai Islam yang terkandung dalam pantun merupakan konsep yang wujud dalam fikiran dan perasaan sebahagian terbesar daripada anggota masyarakat Melayu yang diambil daripada dan atau yang dijiwai oleh al-Qur’ān dan al-Hadīth, sebagai sumber utamanya. Kemudian nilai-nilai ini dipandang sebagai suatu sistem yang baik, yang berguna, yang diingini, yang dimahukan dan yang diidamkan oleh masyarakat.

Sudah menjadi pengetahuan bersama, bahawa agama apa pun, termasuk

Islam, bukan hanya untuk diyakini dan diketahui atau difahami, melainkan juga dihayati dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari, perseorangan dan kelompok. Untuk mencapai matlamat ini, maka penggubahan pantun, yang memang sudah dimengerti dan diminati serta akrab dengan masyarakat, yang mengandungi nilai-nilai luhur agama, akan dapat membantu menyerap dan meresapi, mengingat dan mengamalkan ajaran-ajaran Islam, tanpa menafikan penggunaan bahasa yang sudah lazim (sehari-hari). Oleh itu, tidaklah berlebihan apabila dikatakan bahawa pantun boleh juga digunakan sebagai salah satu alat dakwah atau tunjuk ajar (Tenas Effendy, t.t : 32).

1.8 Konsep-konsep yang Relevan

Dalam tesis ini digunakan sejumlah konsep untuk mentafsirkan data, seperti pantun – empat baris dan berkait -, etnik Melayu Pontianak, adat, budi dan budiman, dan nilai-nilai Islam. Masing-masing konsep tersebut dapat diuraikan seperti dibawah:

Pantun, menurut Zainal Abidin Bakar (Peny.), dalam bukunya *Kumpulan Pantun Melayu* (1984 : 5): adalah “... satu jenis puisi Melayu tradisional di samping syair, teromba dan lain-lain bentuk yang telah dikenali umum.” Sedangkan mengikut Harun Mat Piah, dalam bukunya *Puisi Melayu Tradisional: Suatu Pembicaraan Genre dan Fungsi* (1989 : 91): adalah “... sejenis puisi yang (pada umumnya) terdiri daripada empat baris serangkap, empat perkataan sebaris, mempunyai rima akhir a-b-a-b, dengan sedikit variasi dan kekecualian. Tetapi tiap-tiap serangkap terbahagi kepada unit: pembayang atau sampiran dan maksud. Setiap rangkap dapat melengkapkan satu keseluruhan idea.”

Daripada kedua-dua pengertian ini dapatlah disimpulkan bahawa **pantun** sejenis puisi asli Melayu tradisional yang bersifat terikat, umumnya terdiri daripada empat baris dan penulisannya biasa dilambangkan dengan huruf **a-b-a-b**; dua baris pertama disebut pembayang atau sampiran dan dua baris yang terakhir disebut maksud.

Jadi, pengertian di atas, sebenarnya, merupakan pengertian daripada pantun empat baris, yang sudah begitu terkenal dan mudah dihafaz. Sedangkan pantun berkait atau pantun terikat ialah pantun yang saling berkaitan di antara satu rangkap dengan rangkap berikutnya sehingga beberapa rangkap untuk membentuk satu wacana yang lengkap (Zainal Abidin Bakar, peny., 1984 : 26). Saling berkait di sini terdapat pada baris kedua dalam rangkap pertama menjadi baris pertama dalam rangkap kedua, dan pasangannya baris keempat menjadi baris ketiga bagi rangkap kedua; begitulah seterusnya. Sekalipun jumlahnya tidak sebanyak pantun empat baris, namun pantun berkait juga terdapat dalam hafazan masyarakat Melayu Pontianak.

Etnik Melayu Pontianak

Etnik Melayu suatu etnik yang mempunyai karakteristik: berbahasa Melayu, beragama Islam dan beradat Melayu. Ketiga-tiga karakteristik ini tertaut integratif sehingga menjadi jatidiri mereka.

Jadi, **etnik Melayu Pontianak** suatu etnik yang mempunyai karakteristik: berbahasa Melayu, beragama Islam dan beradat Melayu, yang mendiami bandar Pontianak.

Adat adalah suatu istilah yang berasal daripada bahasa Arab ‘ādah, yang bererti ‘kebiasaan’ atau ‘kelaziman’. Sedangkan dalam erti istilah, mengikut Norazit Selat (1989 : 1), adalah : ”suatu bentuk tingkahlaku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegini lama sehingga dianggap sebagai satu tradisi. Termasuk di dalam konsepsi ini ialah cara hidup sehari-hari dan pola – pola budaya yang jelas dilihat melalui kekerapan amalannya.”

Budi dan Manusia Budiman

Budi berasal daripada perkataan Sanskrit (*Buddhi*), bererti *asas-hikmah*; dalam Ilmu Kejawen, ia diibaratkan sebagai *obor* atau *pelita*, yang menyinari jalan yang ditempuh oleh manusia (Paryana Suryadipura, 1963 : 150-51). Budi dalam konsep Melayu adalah “satu bentuk atau bangunan dalam jiwa yang menggerakkan perbuatan dan tingkahlaku yang terpuji dan mulia serta menangkis segala yang tercela dan hina” (Bustami Ibrahim, 1960 : 89). Atau, mengikut Zainal Kling (1995 : 47), merupakan struktur dalaman atau batiniah yang terpancar dari Hikmah yang tertinggi (Tuhan), yang mengandungi akal dan rasa.

Berdasarkan kepada pengertian di atas, dapatlah difahami bahawa budi adalah semacam orientasi nilai di dalam diri manusia, satu struktur dalaman atau batiniah. Fungsinya untuk membimbing dan menjadi pedoman hidup dalam menentukan arah kehidupannya, khususnya dalam hubungan sosio-budaya dan spiritual. Inilah pengertian asal dan atau pengertian sempit daripada budi.

Kemudian, atas kreativiti para bijak pandai Melayu pada masa silam, konsep budi tersebut dikembangkan dan diluaskan, sehingga budi yang semula merupakan

struktur dalaman atau batiniah (*deep structure*), kemudian menjadi struktur dalaman atau batiniah dan struktur luaran atau lahiriah (*surface structure*). Hasil daripada pengembangan dan perluasan mereka yang dikesan daripada penggunaan dan penerapan budi dalam hubungan dan interaksi sosial dan spiritual itu menjadikan budi mempunyai rumpun atau gugusan budi yang bersiratan ialah **akal-budi, hati-budi, budi-bicara, budi-bahasa dan budi-pekeristi** (Norazit Selat & Zainal Abidin Borhan, 1996 : 29). Manifestasi budi dalam hubungan sosial dan spiritual tersebut akan melahirkan, misalnya berbudi kepada diri sendiri, berbudi kepada sesama, berbudi kepada lingkungan dan berbudi kepada Tuhan.

Manusia Budiman manusia yang halus, berhati mulia, berakal, bijaksana, beradat, beradab, tahu membala budi, cukup ajar, berpengalaman luas dan sebagainya (*Ibid.*, 30). Sedangkan dalam konteks manusia Melayu disebut orang, sebagai suatu konsep budaya, ialah yang memiliki budi yang tinggi, beriman, berilmu, memiliki kekayaan dan kedudukan (*Ibid.*, 27). Dengan perkataan lain, **manusia budiman** manusia yang mampu menggunakan potensi-potensi lahir dan batin, jasmani dan rohani secara berimbang, sehingga dia dapat mengenal akan dirinya, tahu memelihara harga dirinya dan menjaga kekuatan-kekuatannya yang diwujudkan dalam sikap, tingkah dan perbuatan serta tutur-katanya dalam kehidupan bersama, yang kesemuanya sebagai bentuk pengabdianya kepada Tuhan.

Nilai-nilai Islam

Menurut Koentjaraningrat (1980 : 32), nilai dan sistem nilai “terdiri daripada konsepsi - konsepsi, yang hidup di alam fikiran sebahagian besar warga masyarakat, mengenai hal-hal yang harus mereka anggap sangat bernilai dalam hidup.”

Pengertian yang sama juga diberikan oleh Ting Chew Peh (1979 : 78), “nilai dianggap sebagai suatu prinsip umum yang menyediakan anggota masyarakat dengan satu ukuran atau standard untuk membuat pengadilan dan pemilihan mengenai tindakan dan menurut lembaga tertentu.” Sedangkan menurut Norazit Selat (1989 : 85) : “. . . suatu prinsip tingkah laku yang diterima dan diamalkan oleh sesuatu kelompok atau masyarakat. Nilai juga memberi satu standard atau ukuran daripada betul/salah, wajar/tidak wajar, adil/tidak adil dan sebagainya.”

Daripada ketiga-tiga pengertian tersebut dapatlah disimpulkan bahawa nilai adalah gagasan mengenai sesuatu yang diingini atau yang dimahukan oleh sesuatu kelompok atau masyarakat sebagai ukuran untuk menilai sesuatu tindakan yang hendak diambil.

Kemudian, jika pengertian ini dihubungkan dengan Islam, maka yang dimaksud dengan **nilai-nilai Islam** gagasan-gagasan atau konsep-konsep yang wujud dalam fikiran dan perasaan daripada anggota masyarakat, sebagai yang diingini atau yang dimahukan. Gagasan-gagasan atau konsep-konsep itu diambil daripada atau dijawi oleh al-Qur’ān dan al-Hadīth, sebagai sumber utamanya.

Islam, sebagai agama samawi terakhir dan dengan sumber utamanya seperti disebutkan di atas, mengandungi banyak sekali nilai yang amat bermanfaat bagi kehidupan manusia, khasnya bagi para penganutnya, perseorangan dan kelompok, lahiriah dan batiniah. Namun begitu, nilai-nilai Islam itu dibatasi pada nilai-nilai *iman, ibadah* dan *akhlak*. Pembatasan ini dilakukan mengingat masih banyak lagi nilai lainnya yang terkandung dalam ajaran Islam. Selain itu, pantun-pantun yang

Pengertian yang sama juga diberikan oleh Ting Chew Peh (1979 : 78), “nilai dianggap sebagai suatu prinsip umum yang menyediakan anggota masyarakat dengan satu ukuran atau standard untuk membuat pengadilan dan pemilihan mengenai tindakan dan menurut lembaga tertentu.” Sedangkan menurut Norazit Selat (1989 : 85) : “. . . suatu prinsip tingkah laku yang diterima dan diamalkan oleh sesuatu kelompok atau masyarakat. Nilai juga memberi satu standard atau ukuran daripada betul/salah, wajar/tidak wajar, adil/tidak adil dan sebagainya.”

Daripada ketiga-tiga pengertian tersebut dapatlah disimpulkan bahawa nilai adalah gagasan mengenai sesuatu yang diingini atau yang dimahukan oleh sesuatu kelompok atau masyarakat sebagai ukuran untuk menilai sesuatu tindakan yang hendak diambil.

Kemudian, jika pengertian ini dihubungkan dengan Islam, maka yang dimaksud dengan **nilai-nilai Islam** gagasan-gagasan atau konsep-konsep yang wujud dalam fikiran dan perasaan daripada anggota masyarakat, sebagai yang diingini atau yang dimahukan. Gagasan-gagasan atau konsep-konsep itu diambil daripada atau dijawi oleh al-Qur’ān dan al-Hadīth, sebagai sumber utamanya.

Islam, sebagai agama samawi terakhir dan dengan sumber utamanya seperti disebutkan di atas, mengandungi banyak sekali nilai yang amat bermanfaat bagi kehidupan manusia, khasnya bagi para penganutnya, perseorangan dan kelompok, lahiriah dan batiniah. Namun begitu, nilai-nilai Islam itu dibatasi pada nilai-nilai *iman, ibadah* dan *akhlak*. Pembatasan ini dilakukan mengingat masih banyak lagi nilai lainnya yang terkandung dalam ajaran Islam. Selain itu, pantun-pantun yang

bernilai Islam itu tidak akan dianalisis dari segi kebahasaan (linguistik), seperti bagaimana struktur bahasa dan ketepatan pemilihan kata yang digunakan dan sebagainya, mengingat permasalahan ini di luar kemampuan penulis.

Islam yang dianut kebanyakan masyarakat Melayu pada khususnya dan masyarakat Asia Tenggara pada umumnya adalah Islam dengan mazhab Shāfi‘ī¹³ (Moenawar Chalil, 1996 : 249; Arnold, 1968 : 368), dan dengan aqidah Ash‘arī.¹⁴

Menurut kaum Ash‘ariyah, **iman** diertikan dengan “*taṣdīq*” (pembenaran dengan hati). Pengertian ini diikuti oleh Sayyid Sabiq (t.t. : 8), dengan mengertikan iman sama dalam aqidah: “. . . *hiya al-taṣdīq bi al-shai‘i wa al-jazm bih dūna shakk aw rayb.*” Ertinya: “Iman atau aqidah adalah pembenaran dengan hati terhadap sesuatu dan penetapannya tanpa keraguan sedikit pun.” Sedangkan menurut Ulama Salaf,¹⁵ seperti Imam Mālik¹⁶, Imam Aḥmad¹⁷ dan Imam Shafī‘ī (r.a): “. . . *i’tiqād bi al-jinān wa nuṭq bi al-lisān wa ‘amal bi al-arkān*” (Abu Bakar Muhammad, 1994 : 250). Jadi, berdasarkan kepada pengertian yang terakhir, iman mencakupi tiga hal, iaitu pembenaran, pengucapan dan pengamalan.

¹³Nama lengkapnya adalah Abū ‘Abdī’Llāh b. Idrīs b. ‘Uthmān al-Shāfi‘ī, lahir di Palestina, Rajab 150 H./767 M dan meninggal di Mesir, 29 Rajab 204 H./820 M. (Moenawar Chalil, 1996 : 149; Shalabi, MCMLXIV : 112).

¹⁴>Nama lengkapnya adalah Abū al-Hasan ‘Alī Ismā‘īl al-Ash‘arī, lahir di Basrah, 206 H./873 M. dan meninggal di Bagdad, 330 H./935 M. Selama 40 tahun beliau menjadi pengikut Mu’tazilah, setelah itu beliau keluar kerana pandangannya berlawanan dengan pandangan gurunya. Para pengikut Ash‘ari dan Maturidi dalam Ilmu Kalam sering disebut atau menyebutkan diri mereka dengan “Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah” (Harun Nasution, 1983 : 64-65; Abu Bakar Atjeh, t.t. : 131; Hanafi, 1996 : 58-60).

¹⁵Ulama Salaf adalah ulama yang mendasarkan pandangan-pandangannya pada fahaman kemurnian ortodoks. Menurut Ibnu Taymiyah, masa salaf ialah semenjak masa Rasulullāh s.a.w. sampai 300 tahun Hijrah. (Lihat, *Leksikon Islam*, J. 2, 1988 : 737; Muhamimin, 1999 : 155).

¹⁶Nama lengkapnya adalah Mālik b. Anas b. Mālik b. Abī ‘Amir al-Asbahī berasal dari Yaman, lahir di Madinah daerah Hijaz tahun 93 H./712 M., dan meninggal tahun 179 H./798 M. Beliau pembangun mazhab Mālikī (Moenawar Chalil, 1996 : 84).

¹⁷Nama lengkapnya adalah Ahmad b. Hanbal b. Hilāl b. Asad, lahir di Bagdad tahun 164 H./780 M. dan meninggal tahun 241 H./855 M. (*Ibid*, 250).

Pada umumnya, perbahasan iman ini berkisar pada apa yang diistilahkan dengan *arkān al- imān*, iaitu iman kepada: Allāh, Malaikah-malaikah-Nya, kitab-kitab-Nya, Rasul-rasul-Nya, Hari Akhir dan Qadar baik/buruk (H.R. Bukhārī & Muslim).¹⁸ Kesemuanya, jika diimani dengan sungguh - sungguh, akan menghasilkan rasa aman dan tenteram (Q.S. al-An'ām, 6 : 81-82), dan terhindar daripada rasa takut dan khuatir yang tak beralasan (Q.S. al-Mā'idah, 5 : 69).

Ibadah, menurut al-Maraghī dalam bukunya *Tafsīr al-Marāghī*, J. 1 (1979 : 23), adalah *khuḍu yunsha'u 'an istish'ār al-qalb bi 'azamat al-ma'būd i'tiqādan bi anna la-hū ṣultānan lā yudrik al-'aql ḥaqīqatahu liannahu a'lā min an yuhūt bih fikruh*. Ertinya: “. . . tunduk-patuh yang timbul daripada kesedaran hati akan keagungan yang disembah (Allāh), kerana yakin bahawa sesungguhnya Allāh itu mempunyai kekuasaan yang tak dapat dicapai oleh akal akan hakikatnya, sebab ini di luar jangkauan fikirannya.” Pengertian ini tak jauh berbeza dengan pengertian yang dikemukakan oleh Hasbi Ash Shiddieqy, dalam bukunya *Kulliyah Ibadah* (1968 : 13): “. . . “ketundukan jiwa yang timbul kerana hati (jiwa) merasakan cinta kepada Tuhan yang Ma'būd dan merasakan kebesaran-Nya lantaran ber'iτiqad bahawasanya alam ini ada kekuasaan yang akal tak dapat mengetahui hakikatnya.”

Jika ibadah ini dilakukan secara berterusan disertai dengan kekhushukan, maka ia akan menghantarkan yang berkenaan kepada “ingat kepada Tuhan.” (Q.S. al-Baqarah, 2 : 152). Akhirnya, “ketenangan jiwa” akan menyertai hidupnya (Q.S. al-Rā'd, 13 : 28).

¹⁸ Bukhārī, Kitāb Īmān, No. 50, dan Muslim, Kitāb al-Īmān, No. 1-(8).

Secara garis besar, ibadah boleh dibahagi kepada dua bahagian, iaitu ibadah dalam erti *khusus* (*mahdah*), dan ibadah dalam erti *umum*. Ibadah dalam erti *khusus*, selanjutnya disebut *ibadah* sahaja, segala peraturan Ilahi yang dikerjakan untuk mengharapkan pahala di akhirat dan dikerjakan sebagai tanda pengabdiannya kepada-Nya. Bagi ibadah ini cara, waktu dan kadarnya telah ditentukan oleh Allāh dan Rasulullah s.a.w. (Endang Saifuddin, 1976 : 15). Dengan perkataan lain, ibadah itu harus ditunaikan menurut apa adanya, dan ijтиhad hampir tidak diperlukan. Perbahasannya berkisar pada taharah (bersuci), solat, puasa zakat dan haji.

Sedangkan ibadah dalam erti *umum*, selanjutnya disebut *mu'amalah*, adalah segala peraturan Ilahi yang dilaksanakan atas nama ketetapan-Nya dan keredaan-Nya (Hasbi Ash Shiddieqy, 1968 : 12). Ibadah ini merangkumi sikap, gerak, tingkah laku dan perbuatan yang mempunyai tiga ranah (*domain*): niat yang ikhlas sebagai asas, keredaan Allāh sebagai tujuan dan amal salih sebagai garis amalan (Endang Saifuddin, 1976 : 15). Perbahasannya berkisar pada hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Dalam *mu'amalah*, *ijтиhad*¹⁹ sangat dipentingkan, mengingat al-Qur'ān dan al-Sunnah tidak banyak mengaturnya secara terperinci, kecuali memberikan petunjuk umum sahaja.

Kata *akhlak* tidak tercantum dalam al-Qur'ān, kecuali dalam bentuk kata tunggal iaitu *khuluq* atau *khalq* (Q.S. al-Shū'rā, 42 : 137; al-Qalam, 68 : 4).

¹⁹ Ijtihad, menurut istilah hukum Islam, adalah mencurahkan tenaga (memeras tenaga) untuk menemukan hukum agama ('shara') melalui salah satu dalil shara', dan dengan cara-cara tertentu . . . (Hanafi, 1984 : 162).

Menurut Ibn Miskawayh (1966 : 31)²⁰ : . . . *al-khuluq hāl al-nafs dā'iyah la-hā ilā af'ālihā min ghayri fikr wa lā ru'yah*. Ertinya: “. . . suatu keadaan jiwa yang mendorong diri melakukan tindakan dengan mudah tanpa difikirkan dan dipertimbangkan.” Selanjutnya, Miskawayh menambahkan bahawa keadaan jiwa itu dapat merupakan tabiat semula jadi dan dapat pula merupakan hasil daripada kebiasaan dan latihan. Oleh itu, beliau memandang pendidikan dan lingkungan sosial itu penting dalam hubungannya dengan pembinaan akhlak (*Ibid.*, 32).

Secara teknikal, ada yang membezakan antara akhlak dan etika, dan ada pula yang menyamakannya. Bagi yang membezakan, konsep akhlak menurut Islam lebih luas cakupannya. Ertinya, akhlak Islam bukan hanya dibatasi oleh sopan-santun antara sesama manusia atau yang berhubungan dengan tingkahlaku lahiriah sahaja, melainkan juga berhubungan dengan sikap batin atau fikiran (Quraish Shihab, 1996 : 261). Pada garis besarnya, akhlak mencakupi berbagai-bagai aspek: akhlak kepada Allāh hingga kepada sesama makhluk (manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, dan benda-benda tak bernyawa).

1.9 Rancangan Tesis

Tesis ini merupakan laporan etnografik tentang pantun-pantun yang dihafaz oleh etnik Melayu Pontianak. Pantun-pantun tersebut, setelah dirakam dan disalin dalam teks, akan dibahas dalam hubungan dengan nilai-nilai Islam

²⁰ Pengertian yang hampir sama dikemukakan juga oleh al-Ghazālī, dalam bukunya *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, J. 3, (1967 : 68), iaitu: . . . 'ibārah 'an hay 'ah fi al-nafs rāsikhah 'anhā taṣdur al-af'āl bi suhūlah wa yasurr min ghayri hājah ilā fikr wa rawiyah

Untuk melakukan perbahasan tersebut, penulis mulai dengan cara sebagai berikut. Bab Satu mengemukakan permasalahan - permasalahan tentang pengambilan suatu pandangan. Di sini dibahas dua konsep utama iaitu pantun dan nilai-nilai Islam, yang didahului oleh perbahasan tentang etnik Melayu Pontianak, sebagai sumber asli pantun. Kemudian dalam perbahasan lebih lanjut dikemukakan sejumlah konsep yang relevan dan yang berguna bagi memahami dan mentafsirkan data yang dikumpulkan.

Bab Dua membahas sejarah singkat Kelurahan Dalam Bugis dan Banjar Serasan. Sejarah mencatat bahawa pendirian bandar Pontianak bermula dari Kampung Dalam, yang sekarang bernama Kelurahan Dalam Bugis. Sedangkan Kelurahan Banjar Serasan merupakan daerah pengembangan. Dibahas pula dalam bab ini keadaan penduduk dan sarana sosial-keagamaannya. Namun untuk lebih mengenal keadaan daerah penyelidikan secara lebih luas, ikut pula dibahas keadaan Propinsi Kalimantan Barat dan Kotamadia Pontianak.


Dalam Bab Tiga dibahas pantun sebagai suatu genre puisi Melayu tradisional. Di sini penulis membatasi diri pada pantun empat baris dan pantun berkait. Perbahasannya berkisar pada ciri-ciri pantun, bentuk dan struktur pantun, tema – tema pantun dan fungsinya, sumber rujukan pantun, penyampaian dan penyebaran pantun, dan fenomena berpantun.

Bab Empat membahas cara-cara orang Melayu Pontianak membina watak, keperibadian dan jati diri mereka, iaitu melalui adat dan Islam, sebagai satu kesatuan sumber nilai. Kemudian nilai tersebut diorientasikan kepada budi, yang bermatlamat

menghasilkan manusia yang budiman. Wadah dan wahana yang mereka gunakan antaranya adalah pantun.

Perbahasan dalam Bab Lima berkisar pada nilai-nilai luhur agama yang terkandung dalam pantun Melayu Pontianak. Perbahasannya berkisar pada nilai iman, nilai ibadah dan nilai akhlak.

Bab Enam adalah kesimpulan.



Peta 2.1. Propinsi Kalimantan Barat

Sumber: Pejabat Propinsi Kalimantan Barat